



**RSPO**

Roundtable on  
Sustainable Palm Oil

Kredit gambar: Sarah Scriven

---

## RANGKA KERJA RINTIS BAGI PENDEKATAN BIDANG KUASA RSPO

---

Diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Piawaian pada 8 Julai 2021

Tajuk Dokumen	:	Rangka Kerja Rintis bagi Pendekatan Bidang kuasa RSPO
Kod Dokumen	:	RSPO-FWK-D00-001 V1 MAY
Skop	:	Global
Jenis Dokumen	:	Rangka kerja
Kelulusan	:	Diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Piawaian pada 8 Julai 2021
Hubungi	:	Jabatan Pembangunan Piawaian, standard.development@rspo.org

## MUKADIMAH

---

Dokumen Rangka Kerja Rintis ini telah dibangunkan oleh Kumpulan Kerja Bidang kuasa RSPO (JWG) sebagai dokumen asas di mana Sistem Dokumen Persijilan RSPO akan dibina.

Pendekatan Bidang Kuasa adalah rangka kerja baru untuk RSPO, mengambil perspektif yang lebih besar daripada unit produksi, dan memasukkan kerajaan sebagai pihak berkepentingan utama. Oleh itu, dokumen ini menawarkan panduan dan rangka kerja untuk mengembangkan Pendekatan Bidang Kuasa terhadap pensijilan minyak sawit lestari, yang akan mengikuti Piawaian RSPO (Prinsip & Kriteria 2018, Piawaian Pekebun Kecil Bebas, dll.) serta menetapkan pendekatan langkah demi langkah yang koheren di semua wilayah.

Versi awal dokumen ini telah menjadi subjek perundingan global untuk mendapatkan maklum balas di dua perjumpaan, 24 Jun hingga 23 Ogos 2019 dan 28 Februari 2020 hingga 1 Mei 2020, dan telah membina kefahaman dan mendapat pengajaran dari projek-projek rintis negara-negara lain di dunia untuk Pendekatan Bidang kuasa.

(<https://rspo.org/about/supporting-bodies#jurisdictional-working-group>).

# ISI KANDUNGAN

## Kandungan

MUKADIMAH	3
PENGHARGAAN	5
SENARAI AKRONIM	6
GLOSARI	7
<b>1. PENGENALAN</b>	<b>10</b>
1.1 APAKAH PENDEKATAN BIDANG KUASA UNTUK PENSIJILAN RSPO?	10
1.2 MENGAPA MELAKSANAKAN PENDEKATAN BIDANG KUASA UNTUK PENSIJILAN?	11
1.3 TUJUAN DOKUMEN INI	12
<b>2. SKOP</b>	<b>13</b>
2.1 BATASAN BIDANG KUASA DAN UNIT PENSIJILANNYA	13
2.2 PERANAN LEMBAGA PELBAGAI PIHAK BERKEPENTINGAN DAN ENTITI BIDANG KUASA	14
2.3 PEMBIAYAAN BAGI ENTITI BIDANG KUASA	15
2.4 KETERTERAPAN PIWAIAN RSPO YANG BERKAITAN DALAM BIDANG KUASA	15
2.5 KEAHLIAN RSPO UNTUK ENTITI BIDANG KUASA (JE)	18
<b>3. PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH RSPO BAGI PENSIJILAN BIDANG KUASA</b>	<b>20</b>
3.1 PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH	20
3.2 PRESTASI TAHAP LANDSKAP – SKALA TERHADAP IMPAK	21
3.3 DELEGASI KE ATAS	22
3.4 BIDANG KUASA – PEMANTAUAN MENYELURUH	24
3.5 KEPERLUAN UNTUK PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH	24
<b>4. KEPERLUAN SISTEM BIDANG KUASA</b>	<b>27</b>
4.1 PENGUSAHAAN ENTITI BIDANG KUASA (JE)	28
4.2 OPERASI BAGI ENTITI BIDANG KUASA (JE)	30
4.3 SISTEM RUNGUTAN, ADUAN DAN RAYUAN DI PERINGKAT DALAMAN	33
<b>5. KEPERLUAN-KEPERLUAN UNTUK SISTEM PENSIJILAN</b>	<b>34</b>
5.1 SISTEM PENSIJILAN UNTUK JA	34
5.2 MEMBUAT TUNTUTAN & PENDAFTARAN DALAM JEJAK KELAPA SAWIT	35
5.3 KETIDAK-PATUHAN (SEKATAN)	36
<b>LAMPIRAN 1. VISI DAN TEORI PERUBAHAN RSPO</b>	<b>37</b>
<b>LAMPIRAN 2. SENARAI BAHAN BANTUAN UNTUK RANGKA KERJA RINTIS SEMASA</b>	<b>38</b>

## PENGHARGAAN

---

RSPO amat berterima kasih kepada anggota Kumpulan Kerja Bidang Kuasa (JWG) berikut, tanpa sumbangan mereka rangka kerja ini tidak mungkin dapat dilakukan:

**Glyn Davies** (Co Chair), World Wildlife Fund (WWF); **Sander Van den Ende** (Co Chair), SIPEF; **Audrey Lee**, Olam International; **María Amparo Albán**, FEDAPAL; **John Watts**, Yayasan INOBU; **Kuan Chun Lee**, Procter & Gamble (P&G); **Rob Nicholls**, Musim Mas; **Kaixiang Chin**, Bunge; **Marcus Colchester**, Forest Peoples Programme (FPP); **Michael Rice**, Both ENDS; **Balu Perumal**, Malaysian Nature Society (MNS); **Rauf Prasodjo**, Unilever; **Jon Hixson**, YUM! Brands; **Sian Choo Lim**, Bumitama; **Wahyu W. Wijayanti**, Sinarmas; **Alagendran A.L Maniam**, Sime Darby.

RSPO juga sangat berterima kasih kepada Jawatankuasa Pemandu Persijilan Bidang Kuasa-RSPO Sabah (RSPO-JCSC); Jawatankuasa Pemandu Antara Institusi Ecuador untuk Sawit Lestari (CISPS); dan anggota lembaga Seruan Multi-stakeholder bagi pensijilan bidang kuasa kerana berkongsi pengetahuan, pengalaman dan pelajaran berharga mereka.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua anggota dan pihak berkepentingan RSPO yang telah memberikan maklum balas terhadap draf dokumen terdahulu.

## SENARAI AKRONIM

---

<b>AB</b>	Badan Akredetasi
<b>ACOP</b>	Progres Komunikasi Tahunan
<b>CB</b>	Badan Pensijilan
<b>CPO</b>	Minyak Sawit Mentah
<b>CSO</b>	Pertubuhan Masyarakat Awam
<b>CSPO</b>	Minyak Sawit Lestari Diperakui
<b>FFB</b>	Buah Tandan Segar
<b>FPIC</b>	Persetujuan berdasarkan Makluman Awal, Bebas dan Telus
<b>HFCC</b>	Negara Berhutan Litup Tinggi
<b>HFCL</b>	Landskap Berhutan Litup Tinggi
<b>HCS</b>	Stok Karbon Tinggi
<b>HCV</b>	Nilai Pemuliharaan Tinggi
<b>HRD</b>	Pejuang Hak Asasi Manusia
<b>ICS</b>	Sistem Kawalan Dalaman
<b>ISH</b>	Pekebun Kecil Bebas
<b>JA</b>	Pendekatan Bidang Kuasa
<b>LUCA</b>	Analisis Perubahan Penggunaan Tanah
<b>MB</b>	Jisin Imbangan
<b>NGO</b>	Badan Bukan Kerajaan
<b>NI</b>	Interpretasi Kebangsaan
<b>NPP</b>	Prosedur Penanaman Baharu
<b>P&amp;C</b>	Prinsip & Kriteria
<b>PKO</b>	Minyak Isirong Sawit
<b>RaCP</b>	Prosedur Pemulihan dan Pampasan
<b>RISS</b>	Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO
<b>RSPO</b>	Meja Rundingan Bulat untuk Minyak Sawit
<b>SEIA</b>	Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar
<b>SG</b>	Terpisah
<b>SOP</b>	Prosedur Operasi Standard
<b>ToC</b>	Teori Perubahan

## GLOSARI

---

<b>Audit</b>	Proses yang sistematik, bebas dan didokumentasikan untuk memperoleh bukti objektif dan menilai ia secara objektif untuk menentukan sejauh mana kriteria audit dipenuhi.
<b>Akredetasi</b>	Pengesahan pihak ketiga yang berkaitan dengan badan pensijilan yang menyampaikan demonstrasi rasmi mengenai kewibawaannya untuk melaksanakan penilaian pensijilan RSPO.
<b>Badan Akredetasi (AB)</b>	Organisasi yang melakukan akreditasi CB. Organisasi harus menjadi penandatangan kepada Forum Akreditasi Antarabangsa (IAF) atau Pengaturan Pengiktirafan Multilateral (MLA) yang sesuai, atau anggota penuh dari Perikatan Akreditasi dan Pelabelan Sosial dan Alam Sekitar Antarabangsa (ISEAL).
<b>Tempah &amp; Tuntut (Kredit RSPO)</b>	Model yang menyokong pengeluaran produk minyak sawit lestari yang bersijil RSPO melalui pembelian Kredit RSPO. Satu Kredit RSPO mewakili satu tan metrik produk kelapa sawit lestari yang bersijil RSPO.
<b>Sijil</b>	Dokumen yang dikeluarkan berdasarkan peraturan sistem pensijilan, yang menunjukkan keyakinan yang cukup diberikan dan bahawa produk, proses atau perkhidmatan yang telah dikenal pasti sesuai dengan piawaian tertentu atau dokumen normatif lain.
<b>Badan Pensijilan(CB)</b>	Sebuah badan bebas yang diakreditasi oleh badan akreditasi untuk RSPO bagi melaksanakan audit Pensijilan RSPO.
<b>Tuntutan</b>	Sebarang komunikasi kepada mana-mana kumpulan pihak berkepentingan dalam apa-apa format kehadiran produk minyak kelapa sawit lestari bersijil dalam produk atau kumpulan produk tertentu.
<b>Identiti Terpelihara (IP)</b>	Model rantai bekalan Identiti Terpelihara (IP) menjamin bahawa produk minyak kelapa sawit bersijil RSPO yang sampai kepada pengguna akhir adalah unik untuk satu kilang tunggal yang bersijil RSPO dan pangkalan bekalannya yang sah.
<b>Pekebun Kecil Bebas</b>	Semua pekebun kecil yang tidak terlibat dengan Skim Pekebun Kecil (lihat definisi untuk Skim Pekebun Kecil) adalah dianggap sebagai Pekebun Kecil bebas.
<b>Industri Para Peserta</b>	Peserta industri yang menyertai sebagai JE dan komited untuk mematuhi keperluan RSPO sebagai ahlinya.

<b>Bidang Kuasa</b>	Bidang Kuasa ialah bidang pentadbiran kerajaan di mana sistem undang-undang digunakan sama ada oleh negara, negeri, wilayah atau daerah, dan diketuai oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa atau hak untuk memerintah, mentafsir dan menggunakan undang-undang. Oleh yang demikian, Bidang Kuasa bertindak mengikut set peraturan yang menentukan mandat dan kuasa dalam perancangan, pembelanjawan dan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti.
<b>Pendekatan Bidang Kuasa (JA)</b>	Sejenis pengurusan landskap, bertujuan mengintegrasikan dasar dan mempraktikkan pelbagai keperluan bersaing, serta cabaran-cabaran para penanam dan pengilang (terutamanya pekebun kecil bebas dan penanam sederhana), selain pihak berkepentingan yang berkaitan untuk dimasukkan ke dalam sistem RSPO.
<b>Entiti Bidang Kuasa (JE)</b>	Persatuan, syarikat korporat, perkongsian, keempunyaan, amanah, atau individu yang mempunyai kedudukan undang-undang di mata undang-undang yang ditubuhkan dalam bidang kuasa masing-masing. Entiti undang-undang mempunyai keupayaan undang-undang untuk membuat perjanjian atau kontrak, memikul tanggungjawab, menanggung dan membayar hutang, mendakwa dan didakwa dalam hak sendiri dan dipertanggungjawabkan atas tindakannya.
<b>Kawasan Diurus</b>	Tanah tersebut mengandungi kelapa sawit dan penggunaan tanah yang berkaitan seperti infrastruktur (cth. Jalan raya), zon tepi sungai dan kawasan pemuliharaan yang telah di ketepikan.
<b>Jisim Imbangan (MB)</b>	Model rantaian bekalan yang membolehkan tuntutan yang disahkan dipindahkan daripada satu produk minyak kelapa sawit kepada produk yang lain sama ada menerusi adunan fizikal atau secara administratif di bawah keadaan yang dikawal ketat.
<b>Tuntutan Bukan-Produk</b>	Tuntutan mengenai status keahlian bagi ahli individu dan/atau sokongan mereka terhadap sasaran RSPO.
<b>Produk Kelapa Sawit</b>	Produk yang dihasilkan daripada kelapa sawit termasuklah buah dan isirungnya. Bergantung kepada konteks, frasa ‘produk kelapa sawit’ dalam dokumen ini juga boleh merujuk kepada produk seperti tempurung, isirung kelapa sawit, isirung peras asak, minyak sawit, minyak isirung kelapa sawit (PKO) atau produk-produk yang diperoleh daripadanya, asid lemak sawit (isirung) (P(K)FAD), olein, stearin atau produk-produk yang diperoleh daripada pemeringkatan minyak kelapa sawit dan minyak isirung kelapa sawit. Produk kelapa sawit juga boleh merujuk kepada produk-produk yang mengandungi mana-mana di atas.
<b>Loji Penapis</b>	Tapak pengeluaran yang memproses lemak dan minyak menjadi lemak dan minyak yang bernilai tinggi.
<b>Produk Kelapa Sawit Bersijil RSPO</b>	Sebarang produk yang mengandungi produk-produk kelapa sawit yang disahkan mematuhi Piawaian RSPO melalui keahlian RSPO individu dan/atau diperoleh dengan betul melalui model rantaian bekalan seperti ‘Identiti Terpelihara’ (IP), ‘Terpisah’ (SG) atau ‘Jisim Imbangan’ (MB).

<b>Skim Pekebun Kecil</b>	Para pekebun pekebun kecil, pemilik tanah atau delegasi mereka yang tidak mempunyai: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuasa untuk membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan ke atas operasi tanah dan amalan pengeluaran dan/atau</li> <li>• Kebebasan untuk memilih bagaimana mereka hendak menggunakan tanah, jenis tanaman untuk ditanam, dan bagaimana mereka hendak menguruskannya (sama ada dan bagaimana mereka mengatur, mengurus dan membayai tanah tersebut).</li> </ul>
<b>Terpisah(SG)</b>	Model rantaian bekalan Terpisah (SG) memberi keyakinan bahawa produk kelapa sawit bersijil RSPO yang sampai kepada pengguna akhir hanya datang daripada sumber-sumber yang telah disahkan oleh RSPO melalui pensijilan RSPO.
<b>Pekebun Kecil</b>	Para pekebun yang menanam kelapa sawit kadang kala turut mengerjakan tanaman lain secara seiring untuk sara hidup dan sebahagian besar buruh adalah terdiri daripada ahli keluarga dan ladang tersebut memberikan sumber pendapatan utama, dan selain itu kawasan tanaman kelapa sawit itu bersaiz di bawah 50 ha.
<b>Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA)</b>	Proses analisis dan perancangan akan dilaksanakan sebelum penanaman atau operasi baharu. Proses ini menggabungkan data alam sekitar dan sosial yang berkaitan, serta rundingan pihak-pihak berkepentingan bagi mengenal pasti potensi impak (secara langsung atau tidak langsung) dan untuk menentukan sama ada impak tersebut boleh ditangani dengan memuaskan, dengan itu penyokong juga akan menentukan tindakan khusus untuk meminimum dan mengurangkan potensi impak negatif.
<b>Pihak -pihak berkepentingan</b>	Individu atau kumpulan yang mempunyai kepentingan yang sah dan boleh dibuktikan dalam atau yang akan terjejas secara langsung oleh aktiviti sesebuah organisasi dan akibat daripada aktiviti tersebut.

---

<sup>1</sup> Business Dictionary, 2019,  
<http://www.businessdictionary.com/definition/legal-entity.html>

## 1. PENGENALAN

---

Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) merupakan inisiatif pelbagai pihak berkepentingan global untuk mempromosikan pengeluaran dan penggunaan minyak kelapa sawit yang lestari. Ahli-ahli RSPO dan para peserta dalam aktiviti-aktivitinya datang daripada pelbagai latar belakang, termasuk para pekebun, syarikat-syarikat perladangan, pengeluar dan peruncit produk kelapa sawit, badan bukan kerajaan (NGOs) berasaskan alam sekitar dan sosial, dan dari pelbagai negara yang menghasil atau menggunakan produk kelapa sawit.

Objektif utama RSPO adalah untuk mempromosikan penghasilan dan penggunaan minyak sawit lestari melalui kerjasama dalam rantaian bekalan dan dialog terbuka dengan pihak-pihak berkepentingannya. Pensijilan RSPO ialah sebagai jaminan kepada pengguna bahawa pengeluaran minyak sawit adalah dijalankan secara lestari.

Pada tahun 2018, Teori Perubahan (ToC) RSPO telah mengenal pasti bahawa pendekatan bidang kuasa adalah salah satu daripada strategi utama dalam mencapai visi untuk menjadikan minyak sawit sebagai norma. (Rujuk Lampiran 1). Di samping pendekatan pensijilan konvensyenal yang menumpukan kepada kilang dan pangkalan bekalannya, RSPO telah berusaha untuk mempertingkat pendekatan ini ke tahap bidang kuasa.

Dalam konteks produk kelapa sawit lestari, ia akan melibatkan pensijilan serta pengesahan penghasilan dan pengurusan. Pendekatan ini dirujuk sebagai Pendekatan Bidang Kuasa bagi Pensijilan (singkatannya JA). Oleh sebab skala dan kerumitan mana-mana bidang kuasa, maka sistem yang dicadangkan hendaklah bersifat praktikal, boleh dipercayai dan cukup kuat bagi membolehkan seluruh bidang kuasa mematuhi piawaian dan keperluan RSPO yang berkaitan.

### 1.1 APAKAH PENDEKATAN BIDANG KUASA BAGI PENSIJILAN RSPO?

**Pendekatan Bidang Kuasa Bagi Pensijilan RSPO (JA)** adalah pendekatan untuk meminimakan impak negatif penanaman kelapa sawit kepada alam sekitar dan komuniti, pada skala kawasan pentadbiran kerajaan (Bidang kuasa), dimana ia melibatkan pensijilan langkah demi langkah bagi penghasilan dan pemprosesan produk kelapa sawit lestari. JA adalah rangka kerja untuk Persijilan Berkumpulan yang memperuntukkan keperluan undang-undang dan kuasa kepada suatu Entiti Bidang Kuasa (JE), dengan badan pentadbir pelbagai pihak berkepentingan, yang akan membentuk Sistem Pengendalian Dalaman agar memudahkan pematuhan penuh terhadap Piawaian RSPO.

Ia melibatkan kemajuan berterusan ke arah i) mencapai tahap landskap tanpa penyahutanan, tiada penanaman baharu di atas tanah gambut, memastikan keadaan kerja yang selamat dan memuaskan, dan menegakkan hak asasi manusia, serta ii) pensijilan penghasilan dan pemprosesan produk-produk kelapa sawit lestari. Dengan ini, ia terbina dan mempertahankan asas komitmen dan tindakan perniagaan RSPO ke arah pengeluaran minyak sawit lestari dan diperakui.

Pendekatan ini memerlukan kepimpinan, sokongan dan kerjasama kerajaan dalam memainkan peranan utama untuk memudahkan proses pelbagai pihak berkepentingan, menyediakan tadbir urus, peraturan dan rangka kerja secara menyeluruh bagi mencapai piawaian RSPO. Ini akan menyediakan persekitaran undang-undang dan polisi yang berdaya di mana para peserta industri, masyarakat, NGO dan kerajaan dapat bekerjasama ke arah pensijilan. Maka dengan ini, JA adalah berbeza daripada Persijilan Kumpulan RSPO yang konvensional kerana beberapa peranan dan tanggungjawab akan diserahkan kepada badan-badan kerajaan (lihat Bahagian 3.3).

## 1.2 MENGAPA PENDEKATAN BIDANG KUASA BAGI PENSIJILAN DILAKSANAKAN?

Teori Perubahan RSPO (Lampiran 1), bertujuan untuk “meningkatkan kualiti hidup pekebun kelapa sawit, mewujudkan industri kelapa sawit yang lebih makmur, dan memungkinkan kita untuk memelihara planet dan sumbernya dengan lebih baik”. Untuk mencapai objektif ini, Pendekatan Bidang Kuasa (JA) mengambil perspektif yang lebih besar daripada hanya unit pengeluaran kelapa sawit, dan berusaha mengatasi beberapa batasan bagi pensijilan individu agar dapat menjaga litupan hutan, menyokong pemeliharaan hidupan liar dan mempromosikan kesihatan sistem sungai pada skala landskap/bidang kuasa. Lebih jauh lagi, ia diharap akan dapat menggabungkan dimensi pembangunan sosial lestari, seperti sara hidup yang layak, tiada hamba abdi (bekerja tanpa rela) dan buruh kanak-kanak, dan mempromosikan suara masyarakat tempatan dalam membuat keputusan.

JA adalah cara untuk mencapai objektif-objektif ini, yang juga merupakan bahagian asas yang penting dari Matlamat Pembangunan Lestari global, kerana tidak dapat dipenuhi melalui sistem pensijilan berasaskan tapak yang sedia ada. Ia memerlukan perspektif lanskap dan bidang kuasa. JA juga memerlukan sokongan dari segi polisi kerajaan dan undang-undang yang selari dengan piawaian RSPO dan dalam masa yang sama, tetap mempertahankan kedaulatan. JA adalah jenis pensijilan baru, maka, ia akan membantu menangani pengaruh luaran dan memberi lebih nilai kepada unsur sosial dan persekitaran dalam perdagangan minyak sawit, justeru membawa manfaat yang lebih besar dan berjangka panjang kepada semua.

JA ini adalah untuk menangani masalah penebangan hutan dan kemerosotan alam sekitar, serta memperkuat perlindungan sosial. Ia terbit dari komitmen sektor awam dan swasta yang besar agar dapat meningkatkan hasil positif untuk pengeluaran dan pemuliharaan yang bertanggungjawab. Ia memfokuskan kepada peringkat politik di mana keputusan penggunaan tanah dibuat, dan polisi kerajaan yang sesuai tentang kelestarian dikuatkuasakan. Oleh itu, ia akan membuka polisi awam dan model perniagaan yang memberikan faedah kepada pengeluar, seperti peningkatan akses ke pasaran dan kewangan, membuka peluang pekerjaan baru, mengurangkan kemiskinan, sumber semula jadi yang lebih banyak, dan persekitaran yang lebih sihat dan berdaya tahan.

JA perlu melibatkan proses-proses pelbagai pihak berkepentingan untuk menyelesaikan bermacam (kadangkala bersaing) keperluan dan aspirasi pihak berkepentingan tempatan. Ini memberikan rangka kerja untuk penyertaan yang lebih luas bagi mematuhi Prinsip dan Kriteria RSPO dengan memperluas peranan dan tanggungjawab pematuhan dengan melibatkan badan-badan kerajaan, pemain industri bukan-RSPO dan masyarakat awam, yang akan menawarkan platform untuk menyelesaikan konflik dan membentuk penyelesaian yang lestari.

Unsur penting JA adalah memberi peluang untuk mendorong dialog dan penumpuan tujuan bersama antara pihak perniagaan, kerajaan, dan masyarakat berkepentingan. Dengan urus tadbir, perancangan dan penguatkuasaan berulang kali dikenalpasti sebagai faktor kritikal dan pengehad, peluang untuk dialog dan penumpuan ini sangat berharga kerana dapat mengarahkan, memusatkan perhatian dan memberi semangat kepada pihak kerajaan untuk bertindak. Potensi kebaikan menggunakan JA adalah termasuk:

- a) Menyediakan pendekatan pengurusan yang lebih menjimatkan, melalui penggabungan sumber, kepakaran dan usaha, dan memperluas penglibatan kerajaan dan tindakan pihak berkepentingan untuk perubahan struktur terhadap isu-isu yang melampaui kemampuan pengeluar tunggal atau bahkan rantaian bekalan penuh. Contohnya, memberi penjelasan tentang hak milik tanah kepada pekebun di seluruh kawasan bidang kuasa.

- b) Membantu untuk mencapai skala ekonomi yang baik untuk industri kelapa sawit, masyarakat dan alam sekitar melalui perencanaan, mitigasi dan pemuliharaan di peringkat landskap. Sebagai contoh, kerajaan dan syarikat besar mungkin membayar kos pemetaan dan pemantauan di seluruh landskap. Ini akan memastikan bahawa ladang keluarga tidak berada di kawasan hutan lindung dan pekebun tidak menebang hutan primer dan hutan pemuliharaan untuk mengembangkan ladang mereka.
- c) Meringankan sebahagian dari beban kewangan pekebun kecil dan sederhana untuk memenuhi syarat pensijilan, atau berkongsi kos pensijilan dengan lebih banyak pengeluar yang sedang melalui pensijilan berkelompok kepada Entiti Bidang Kuasa (JE) tunggal. Contohnya, kos audit dan keahlian RSPO.
- d) Syarikat yang membeli minyak sawit (dan komoditi lain yang berpotensi) akan menghargai potensi JA, khususnya sumber bidang kuasa dan pensijilan, memudahkan pengesahan dan pensijilan, dan mengurangkan kos mereka untuk memenuhi komitmen mereka kepada persekitaran, sosial dan tadbir urus.
- e) Pihak berkepentingan tempatan mengalu-alukan JA sebagai kaedah untuk memastikan bahawa strategi dan jalan menuju kelestarian dimiliki dan dipertahankan oleh masyarakat wilayah dan tiada paksaan dari luar.
- f) Pendekatan ini juga merupakan langkah penting ke arah bekerjasama dalam meningkatkan sara hidup pekebun skala kecil, di mana dengan bekerjasama dapat membantu menyelesaikan masalah kelestarian dari peringkat akar umbi.

Pensijilan Bidang Kuasa adalah mengikuti Prinsip & Kriteria RSPO 2018, serta Piawaian RSPO yang lain. Cabarannya adalah untuk menggabungkan P&C RSPO yang telah di kembangkan dengan konsesi perladangan dan estet, atau penanam dan pekebun kecil dalam pikiran, untuk diterapkan kepada seluruh bidang kuasa. Bahkan garis panduan Interpretasi Nasional untuk pensijilan masih belum mempertimbangkan ‘keseluruhan bidang kuasa’. Ini bermaksud bahawa faktor-faktor menyeluruh polisi atau undang-undang kerajaan, yang memungkinkan atau mendorong aktiviti tertentu yang tidak selari dengan pensijilan bidang kuasa RSPO, perlu ditangani dengan pematuhan piawaian berkaitan Interpretasi Nasional RSPO, jika Pensijilan Bidang Kuasa ingin digunakan.

Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, Kumpulan Kerja Bidang Kuasa RSPO telah mempersetujui rangka kerja untuk Persijilan Bidang Kuasa yang dibentangkan dalam dokumen rintis rangka kerja ini, yang akan menjadi asas Dokumen Sistem Pensijilan (CSD) pada masa hadapan. JWG menyatakan bahawa piawaian dan proses baru mungkin diperlukan untuk menangani cabaran baru yang akan muncul semasa menerapkan JA.

### **1.3 TUJUAN DOKUMENINI**

Dokumen ini menerangkan keperluan-keperluan untuk Pensijilan Bidang Kuasa. Ia menjelaskan: unit pensijilan; kebolehlaksanaan piawaian RSPO yg berkaitan, keperluan dan prosedur, keperluan sistem dan pengurusan; pengesahan, sistem kredit dan tuntutan; dan keperluan sistem pensijilan. Memandangkan ia pada skala yang besar: negara, negeri, daerah dll, dan konteks sosial, ekonomi, politik dan persekitaran yang berbeza, ia tidak menetapkan cara-cara untuk pensijilan JA ke RSPO.

**Nota:**

1. Rujuk FAQ pada dokumen Pendekatan Bidang Kuasa RSPO untuk maklumat lanjut.

## 2. SKOP

---

Bahagian skop ini menyediakan konteks umum Pendekatan Bidang Kuasa untuk Persijilan:

- i) Batasan Bidang Kuasa dan Unit Pensijilannya
- ii) Peranan Lembaga Pihak Berkepentingan dan Entiti Bidang Kuasa
- iii) Mekanisme pembiayaan untuk Proses Pensijilan Bidang Kuasa
- iv) Kebolehlaksanaan Piawaian RSPO yang berkaitan dalam bidang kuasa
- v) Keahlian RSPO untuk Entiti Bidang Kuasa

### 2.1 SEMPADAN BIDANG KUASA DAN UNIT PENSIJILANNYA

Sempadan Bidang Kuasa ditakrifkan sebagai kawasan di mana pihak berkuasa tempatan (badan kerajaan) mempunyai perundungan, kawal selia, kuasa pentadbiran politik dan awam, maka, ia memberinya kuasa yang mencukupi untuk menggunakan piawaian RSPO. Dalam Bidang Kuasa yang luas, JE boleh memilih untuk menggunakan pendekatan ini pada skala kecil pentadbiran – daerah, negeri dan wilayah.

Dengan pandangan bahawa RSPO adalah skema sukarela yang diakui secara antarabangsa untuk pengeluaran minyak sawit lestari, pendekatan ini memfokuskan pada penerapan piawaian lestari untuk FFB FFB dan pengeluaran minyak sawit, serta penghancur, penyuling dan kilang oleokimia. Oleh itu, keperluan JA HANYA terpakai untuk industri kelapa sawit dalam kawasan Bidang Kuasa. Unit Pensijilan untuk Pendekatan Bidang Kuasa RSPO bagi Pensijilan adalah Entiti Bidang Kuasa (JE) dan individu peserta industrinya. Individu peserta industri bagi Entiti Bidang Kuasa boleh berasal dari mana-mana sektor industri, dengan penekanan pada pengeluar FFB (ladang dan pekebun individu), pusat pengumpulan / perantara, pengilang, penghancur, penyuling, dan kilang oleokimia untuk terus memperkuat amalan lestari mereka. Pemegang sijil adalah JE dan peserta yang telah di takrifkan.

JE boleh memegang beberapa sijil untuk kumpulan peserta industri yang berbeza didalam bidang kuasa. Kelompok peserta industri di dalam Bidang Kuasa adalah berbeza-beza mengikut bidang kuasa berdasarkan kesediaan peserta industri terhadap pematuhan terhadap piawaian dan keperluan RSPO yang berkaitan, terkait dengan mekanisme audit dalaman JE yang berkesan.


## 2.2 PERANAN LEMBAGA PELBAGAI PIHAK-BERKEPENTINGAN DAN ENTITI BIDANG KUASA

Kepemimpinan, sokongan dan kerjasama pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam memudahkan proses pelbagai pihak-berkepentingan untuk memperkuat keseluruhan tadbir urus, peraturan dan rangka kerja agar semua dapat mencapai tahap yang sama, justeru memudahkan pematuhan terhadap piawaian RSPO. Ini harus dilakukan melalui penubuhan JE, yang ditadbir oleh Lembaga Penyeliaan Pelbagai pihak berkepentingan. JE bertujuan untuk melaksanakan perkhidmatan eksekutif dan pentadbiran untuk Bidang Kuasa dan peserta industri yang berkait dengan:

- Pematuhan kepada keperluan Pendekatan Bidang Kuasa RSPO (Keperluan Sistem dan Prestasi Landskap)
- Pematuhan kepada Piawaian RSPO yang berkaitan oleh peserta industri masing-masing melalui sistem audit dalaman
- Audit, prosedur dan/atau proses pensijilan RSPO
- Mengumpulkan peserta industri yang layak untuk pensijilan RSPO
- Menguatkuaskan penggantungan atau penamatkan peserta industri yang tidak patuh
- Pembaharuan undang-undang untuk mewujudkan syarat yang memungkinkan keadaan bagi mematuhi Piawaian RSPO

Lembaga Penyeliaan Pelbagai pihak berkepentingan harus terdiri daripada anggota yang mewakili pihak berkepentingan utama, termasuk pihak kerajaan yang menyediakan kepemimpinan kepada industri kelapa sawit. Ini akan dilakukan dengan memberi arahan dan petunjuk strategik kepada JE, menyediakan keadaan berdaya untuk reformasi perundangan dan/atau polisi yang berkaitan bagi mematuhi Piawaian RSPO, dan memastikan fungsi JE yang efektif dan efisien maju menuju kearah objektifnya.

Rujuk kepada Bab 4 dokumen ini untuk perincian



Gambarajah 1: Peranan utama dan tanggungjawab Lembaga Pelbagai pihak berkepentingan, Entiti Bidang Kuasa dan Peserta Industri.

Wakil kerajaan yang berada didalam Lembaga Pelbagai pihak berkepentingan mestilah diberi kuasa untuk bertindak berdasarkan undang-undang dan/atau peraturan yang telah diadakan oleh kerajaan berkaitan dengan pensijilan bidang kuasa. Wakil-wakil tersebut juga harus diberi kuasa untuk mengemas kini agensi kerajaan masing-masing yang mereka wakili dan juga dapat memberikan sokongan lebih lanjut, bila dan semasa ia diperlukan. Mereka juga diharap dapat membantu mendapatkan persetujuan bagi sokongan ini, yang mungkin termasuk pendanaan.

## **2.3 PEMBIAYAAN BAGI ENTITI BIDANG KUASA**

Salah satu prinsip panduan JA adalah pekebun (atau kumpulan pekebun) hendaklah dibenarkan menjual hasil pengeluaran mereka dan mengekalkan hasil penjualan, dari kedua-dua penjualan fizikal dan kredit PalmTracejusteru mengekalkan insentif kewangan untuk individu dan kumpulan pekebun agar turut serta dalam proses pensijilan RSPO. Sistem semasa anggota RSPO yang menerima pendapatan daripada penjualan FFB dan kredit PalmTrace akan diteruskan, dan sistem ini boleh digunakan oleh anggota bukan RSPO yang diperakui di bawah sijil kumpulan JE, di mana setiap pekebun/kumpulan akan diberi ‘nombor perdagangan’ yang unik untuk menjana pendapatan jualan. Ini akan memberi faedah kewangan kepada ahli kumpulan JE selain penjimatan kos yang mereka perolehi dengan menjadi ahli kumpulan JE (cth., pengurangan yuran audit, penilaian HCV dan HCS yang dilakukan secara terpusat, dll.).


Oleh kerana pekebun mengekalkan pendapatan penjualan mereka di bawah prinsip ini, perhatian khusus harus diberikan terhadap pembiayaan Entiti Bidang Kuasa untuk menampung gaji kakitangan dan kos penuh operasi. Untuk mengawasi, melaksanakan dan menguatkuasakan JA ke pensijilan RSPO, model pembiayaan perlu dikembangkan di setiap bidang kuasa. Ini akan berbeza-beza menurut keadaan tempatan dan nasional, meliputi sokongan belanjawan kerajaan, geran dana dari sektor awam dan swasta, yuran keanggotaan JE, dan sebahagian daripada yuran perdagangan RSPO semasa yang boleh dialihkan ke JE.

## **2.4 KEBOLEHLAKSANAAN PIAWAIAN RSPO YANG BERKAITAN DI DALAM BIDANG KUASA**

Adalah penting bagi integriti, kredibiliti dan kemajuan berterusan RSPO yang setiap anggota menyokong, mempromosikan dan bekerja ke arah pengeluaran, perolehan dan penggunaan minyak sawit lestari. JA adalah pelengkap penting untuk campur tangan pada peringkat ladang dan pemproses untuk mempromosikan dan mengukur kemajuan ke arah kelestarian. Bantuan teknikal, kewangan, penguatkuasaan undang-undang dan jenis campur tangan lain di tahap Bidang Kuasa adalah sangat penting untuk mendorong perubahan pada tahap ladang, pemproses dan landskap.

Asas ukuran peringkat Bidang kuasa pada Piawaian RSPO adalah diperlukan untuk memperkemas campur tangan peringkat Bidang Kuasa dan proses-proses memperkuatkan tadbir urus keseluruhan, peraturan dan rangka kerja. Ini meyumbang kepada perkemasan audit dalaman dan luaran, pemantauan dan proses pelaporan untuk semua pihak berkepentingan di semua kawasan Bidang Kuasa, sambil mengekalkan piawaian pensijilan yang tinggi.

Bagi memastikan tuntutan kredibiliti minyak sawit lestari oleh Bidang Kuasa, pihak-berkepentingan yang berkaitan di dalam Bidang Kuasa yang telah mendapatkan hak milik sah untuk mengeluarkan atau mengendalikan pengeluaran produk minyak sawit mestilah telah diperakui oleh RSPO bagi membuat tuntutan dan memperdagangkan CSPO. ‘Arus perdana’ yang efektif bagi pengeluaran lestari pada peringkat Bidang Kuasa perlu merangkumi kebanyakan (jika tidak semua) pihak-berkepentingan di dalam rantai bekalan.





JE akan menerapkan Piawaian RSPO yang berkaitan bagi penggalak yang berbagai ukuran dan ciri yang berbeza:

- Prinsip dan Kriteria untuk Pengeluaran Minyak Sawit Lestari (RSPO P&C 2018)<sup>2</sup>
- Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO(RSPO ISS 2019)
- Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO (RSPO SCCS)

Gunakan versi terkini untuk dokumen di atas.

<sup>2</sup> In the absence of National Interpretation, generic P&C and Standard applied.

	Prinsip & Kriteria RSPO (P&C 2018)	Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO (RISS 2019)	Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO (SCCS)
 <p><b>KESEJAHTERAAN</b></p> <p>Sektor yang kompetitif, berdaya tahan dan lestari</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Berkelakuan beretika dan telus</li> <li>Beroperasi secara sah dan menghormati hak</li> <li>Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, kesan positif dan daya tahan</li> <li>Menghormati masyarakat dan hak asasi manusia dan memberikan faedah</li> <li>Menyokong kemasukan pekebun kecil</li> <li>Menghormati hak dan syarat pekerja</li> <li>Melindungi, memulihara dan meningkatkan ekosistem dan persekitaran</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Optimumkan produktiviti, kecekapan, kesan positif dan daya tahan</li> <li>Kesahan, Penghormatan terhadap Hak Tanah dan Kesejahteraan Komuniti</li> <li>Menghormati hak asasi manusia, termasuk hak dan syarat pekerja</li> <li>Melindungi, memulihara dan meningkatkan ekosistem dan persekitaran</li> </ol>	<p>Keperluan Rantaian Penjagaan Umum dan modul spesifik adalah:</p> <p>Modul A – Identiti Terpelihara</p> <p>Modul B – Terpisah</p> <p>Module C – Jisim Imbangan</p> <p>Modul D – Kilang CPO: IP</p> <p>Modul E – Kilang CPO: MB</p> <p>Modul F – Pensijilan Pelbagai Tapak</p> <p>Modul G – Pensijilan Kumpulan Rantaian Bekalan</p>
 <p><b>KEMANUSIAAN</b></p> <p>Sara hidup lestari &amp; pengurangan kemiskinan Hak asasi manusia dilindungi, dihormati &amp; diperbaiki</p>			
 <p><b>PLANET</b></p> <p>Eksosistem yang dipelihara, dilindungi dan ditambahbaik untuk generasi akan datang</p>			
<p><b>Diguna pakai oleh SIAPA?</b></p>	 <p>Estet</p>  <p>Kilang dengan pengkalan bekalan</p>	 <p>Pekebun Kecil Bebas</p>	 <p>Independent Mill</p>  <p>Penghancur</p>  <p>Loji Penapis</p>  <p>Oleochemical</p>  <p>Pusat pengumpulan / perantara</p>

Jadual 1: Kebolehlaksanaan Piawaian RSPO

## **2.5 KEAHLIAN RSPO UNTUK ENTITI BIDANG KUASA (JE)**

Dalam mencapai keterangkuman pekebun (terutama pekebun kecil) melalui perkemasan proses pensijilan dengan kepemimpinan, sokongan dan kolaborasi yang kuat dari pihak kerajaan, pendekatan ini membolehkan setiap peserta industri untuk memperakui produk minyak sawit mereka dengan Piawaian RSPO di bawah satu sijil, yang dipegang oleh JE. Oleh itu, JE akan memohon keahlian biasa RSPO (tunggal) dan mempunyai hak undian tunggal di Perhimpunan Agung.

Dengan peserta industri dalam JE terdiri daripada pekebun, peniaga dan pemproses, pusat pengumpulan, kilang bebas, penghancur, penyuling, dan kemudahan oleokimia; JE boleh diiktiraf sebagai sektor keahlian bebas dan keahlian kumpulan. Kedua-dua JE dan para pesertanya harus terikat dengan Tatakelakuan Ahli RSPO. JE perlu menyerahkan permohonan keahlian RSPO termasuk perkara berikut:

- ✓ Laporan dan dokumen sokongan memenuhi syarat dari Langkah 2.
- ✓ Rancangan Kerja untuk maju ke Langkah 4 dan akhirnya mendapat 100% pensijilan RSPO.

JE, sebagai ahli biasa RSPO, wajib menyerahkan Komunikasi Kemajuan Tahunan (ACOP) untuk mengukur kemajuan semua pesertanya ke arah 100% kelapa sawit lestari yang disahkan RSPO. JE wajib menyerahkan SATU laporan, yang mencatatkan kemajuan semua peserta industri, secara individu dan masing-masing.

### **2.5.1 PESERTA INDUSTRI JE**

Setelah pihak Bidang Kuasa mematuhi prasyarat dan tertubuhnya JE yang berfungsi dan bersumber, pihak Bidang Kuasa dapat menyelaraskan proses pensijilan.

Penyertaan pemain industri dan pekebun kecil dalam JE adalah sukarela, kecuali jika diwajibkan oleh polisi dan peraturan kerajaan. Semua peserta industri dalam bidang kuasa hendaklah diberitahu bahawa mereka mesti mematuhi semua syarat RSPO dan Prinsip dan Kriteria yang didelegasikan ke atas. Akan ada keadaan yang mengakibatkan para penggalak tidak mematuhi Piawaian RSPO, ini akan memungkinkan mereka disingkirkan (rujuk bahagian 5).

#### **2.5.1.1 Ahli Semasa RSPO**

Anggota RSPO semasa, termasuk kumpulan Pekebun Kecil Bebas semasa, di dalam Bidang Kuasa boleh terus mengekalkan keahlian RSPO bebas mereka dan mendapatkan sijil secara berasingan. Sebagai alternatif, mereka boleh menyertai proses keahlian dan pensijilan RSPO JE, tetapi mereka tidak dapat beroperasi dan berdagang dengan sijil bebas dan JE pada masa yang sama. Ahli RSPO yang memutuskan untuk menyertai keahlian RSPO JE wajib mematuhi semua syarat RSPO, memanfaatkan prestasi dan bantuan yang diberikan oleh JE. Walau bagaimanapun, anggota RSPO yang membuat keputusan pengurusan untuk mendapatkan sijil secara bebas, boleh melakukannya selagi mereka mematuhi garis masa pensijilan JE.

### **2.5.1.2 Bukan-ahli RSPO**

Peserta industri dan pekebun kecil yang menyertai JE, tetapi belum menjadi ahli RSPO, harus mematuhi semua syarat RSPO melalui keahlian JE RSPO. Peserta industri mesti mendapatkan sijil melalui pensijilan kumpulan yang difasilitasikan oleh JE. Sebagai alternatif, peserta industri boleh membuat keputusan pengurusan untuk memohon keanggotaan RSPO mereka sendiri, tetapi mereka masih perlu mematuhi syarat-syarat JE.

### **2.5.2 RISS DALAM KONTEKS KEAHLIAN JE**

Seperti peserta industri yang sedia ada, Pekebun Kecil Bebas mempunyai pilihan untuk mendapatkan sijil RISS yang difasilitasi oleh JE, atau melakukannya sendiri dengan menjadi anggota RSPO dan mengikuti prosedur dan syarat RISS. Sekiranya Pekebun Kecil Bebas memperoleh sijil RISS sebagai bagian dari JE, di mana pensijilan mereka bergantung pada kriteria dan indikator yang harus didelegasikan ke atas, mereka harus mengikuti keseluruhan pensijilan JE dalam rangka masa langkah demi langkah.

Pekebun Kecil Bebas yang melakukan RISS mesti memenuhi semua syarat yang terdapat di dalam piawaian, termasuk menubuhkan entiti perundangan (dirujuk sebagai Pengurus Kumpulan ISH), yang akan/boleh turut serta dalam JE. Penjualan FFB yang diperakui sebagai Kredit RSPO atau melalui model rantaian bekalan fizikal (Identity Preserved - IP, Segregated - SG, atau Mass Balance - MB) akan dilakukan melalui Pengurus Kumpulan ISH.

**Nota:**

- i. *Peraturan Keahlian RSPO akan disemak semula untuk digabungkan dengan keahlian JE.*
- ii. *Mekanisme dan/atau templat ACOP untuk JE akan dikembangkan untuk memastikan pelaporan untuk mengukur kemajuan peserta industri masing-masing dapat dilakukan secara praktikal dan sederhana.*

### **3. PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH RSPO UNTUK PENSIJILAN BIDANG KUASA**

---

#### **3.1 PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH**

Memandangkan skala campur tangan yang diperlukan untuk pensijilan perundangan, dan jangkauan kesediaan dan kepatuhan penggalak yang berlainan dalam bidang kuasa, adalah perlu untuk mengambil pendekatan langkah demi langkah untuk mencapai pensijilan penuh Bidang Kuasa. Pendekatan langkah demi langkah membolehkan semua pengeluar FFB dan minyak sawit, serta penggalak rantaian bekalan memasuki sistem melalui JE. Pendekatan langkah demi langkah juga akan memberikan masa untuk institusi, polisi, peraturan dan pengurusan melakukan perubahan yang diperlukan. Pendekatan ini dirancang untuk memberi masa untuk penambahbaikan berterusan dan kemajuan dalam memenuhi semua keperluan oleh semua pengeluar dan penggalak rantaian bekalan, termasuk memperkuat peranan kerajaan dalam system.

Keperluan utama adalah:

- Lembaga Pelbagai pihak berkepentingan ditubuhkan dengan wakil pihak berkepentingan yang seimbang (kerajaan, pengeluar, NGO, jurucakap masyarakat dan penggalak rantaian bekalan).
- JE ditubuhkan dengan kuasa undang-undang terhadap semua pengeluar dan menunjukkan kemajuan dalam memenuhi petunjuk lanskap dan memastikan kepatuhan pengeluar dan penggalak rantaian bekalan.
- Sistem kawalan dalaman yang berfungsi dengan telus dan berkesan, dengan mekanisme rungutan dan aduan dibentuk, memastikan tadbir urus JE yang dipercayai.
- Pematuhan terhadap prosedur dan landskap prestasi /tindakan (seperti Prosedur Penanaman Baru [NPP]) di setiap langkah diukur dengan memenuhi semua syarat semasa dan semua langkah selanjutnya, selain pematuhan terhadap piawaian terpakai.
- Mengamalkan amalan lestari secara progresif dalam pengeluaran minyak sawit di peringkat ladang atau estet.

Pensijilan Bidang Kuasa adalah proses perlahan dan beransuran - empat langkah berbeza telah dikenal pasti yang membolehkan kemajuan dipantau. Perincian langkah-langkah ini dijelaskan dalam Bahagian 3.5: Pendekatan langkah demi langkah(Jadual 3), dan mereka bergerak dari:

- a) Langkah 1: Langkah Perintis, apabila sesebuah Bidang Kuasa menentukan bahawa mereka ingin mengambil pendekatan perundangan untuk pensijilan dan membuat kenyataan polisi awam dan/atau menetapkan peraturan untuk menyokong objektif ini. Lembaga RSPO mesti meluluskan permintaan bertulis pihak Bidang Kuasa untuk dikenal pasti sebagai Perintis RSPO.
- b) Langkah 2: Langkah Permohonan akan dicapai apabila wujudnya lembaga pelbagai pihak berkepentingan Entiti Bidang Kuasa (JE) telah ditubuhkan secara sah, dan indikator-indikator landskap dalam proses penilaian. Langkah ini selesai apabila JE telah berjaya dalam proses permohonan kepada Unit Keahlian RSPO untuk menjadi ahli RSPO.
- c) Langkah 3: Langkah Perlaksanaan adalah ketika sistem kawalan dalam JE mapan dan syarat untuk pensijilan RSPO telah terlaksana. Langkah ini lengkap apabila Badan Pensijilan bebas dan berakreditasi selesai melakukan audit penuh terhadap JE untuk pensijilan RSPO.

- d) Langkah 4: Langkah Pensijilan adalah langkah terakhir dalam proses ini, dimana pengeluar, pemproses dan penggalak rantaian bekalan dalam Bidang Kuasa yang telah diperakui di bawah JE boleh memperdagangkan produk yang diperakui RSPO. Tuntutan pasaran dapat dibuat berdasarkan volum, ini bersesuaian dengan Peraturan RSPO terbaru dalam Komunikasi Pasaran dan Tuntutan.



Rajah 2: Pendekatan Langkah demi Langkah JE

### 3.2 PRESTASI LANDSKAP – KESAN PADA SKALA

Dengan melaksanakan JA, indikator landskap akan merangkumi langkah-langkah alam sekitar dan sosial melangkaui kawasan pengeluaran kelapa sawit, dan akan bergantung pada pengurusan landskap yang boleh dipercayai, holistik dan bersepada pada skala keseluruhan Bidang Kuasa. Selain memerlukan sistem pengurusan yang boleh dipercayai, indikator aras lanskap sangat penting untuk menilai impak dan untuk pelaporan yang boleh dipercayai tentang kemajuan langkah penting untuk menuju ke arah kelestarian bidang kuasa.

Sememangnya menjadi cita-cita JA untuk menyediakan konteks di mana semua komoditi mendapat faedah daripada piawaian RSPO dan mengikuti pelan guna tanah bidang kuasa. Walau bagaimanapun, diakui bahawa JE yang ditubuhkan di bawah RSPO tidak dapat mengawasi tanaman bukan minyak sawit dan tahap ketidakpatuhan tertentu (iaitu, pembersihan HCV / HCS dll) mungkin berterusan melalui perlesenan atau kegiatan haram untuk tanaman bukan minyak sawit. Ini bermaksud bahawa keperluan LUCA, RaCP, dan NPP hanya terpakai kepada kelapa sawit. Memandangkan terdapatnya kemungkinan ia boleh membatalkan keseluruhan pendekatan, diharapkan bahawa contoh positif yang ditetapkan oleh JA akan menjadi pemangkin kepada komoditi lain untuk diikuti, dengan menggunakan rangka kerja yang telah disediakan.

Langkah-langkah baru untuk menilai kesinambungan bidang kuasa, di mana pembangunan dan pengurusan kelapa sawit yang lestari merupakan matlamat yang jelas, adalah diperlukan untuk menilai, melaporkan, mengesahkan dan membuat tuntutan tentang pengeluaran lestari dalam Bidang Kuasa. Langkah-langkah baru ini dikembangkan sesuai dengan Piawaian RSPO yang menyumbang untuk memberikan impak positif kepada Planet, Masyarakat dan Kemakmuran (tiga tonggak utama Kesan RSPO).

### 3.3 DELEGASI KE ATAS

Di pusat JA untuk pensijilan adalah prinsip delegasi ke atas.

Delegasi ke atas merujuk kepada proses di mana tanggungjawab untuk pelaksanaan Prinsip RSPO diserahkan kepada institusi peringkat tinggi, dalam hal ini, Entiti Bidang Kuasa.

Intipati prinsip delegasi ke atas, adalah kerajaan tempatan akan memastikan bahawa prinsip-prinsip dan kriteria di gunakan pada seluruh bidang kuasa melalui instrumen perundangan, seperti undang-undang, peraturan dan polisi.

Para pengeluar, yang merupakan ahli-ahli entiti Bidang Kuasa, hanya bertanggungjawab untuk mematuhi instrumen perundangan ini.

Kriteria penting RSPO adalah yang harus didelegasikan ke atas, ini untuk memastikan bahawa JA untuk pensijilan memberikan manfaat paling banyak, ini dijelaskan dalam Jadual 2. Instrumen undang-undang yang sesuai harus didefinisikan dalam konteks Bidang Kuasa spesifik, walaupun banyak masalah alam sekitar dapat ditangani melalui proses perencanaan tata ruang manakala undang-undang hak asasi manusia dan persetujuan bebas, terdahulu dan dimaklumkan dapat diabadikan dalam undang-undang dan peraturan.

Jadual 2: Kriteria Delegasi ke atas

PRINSIP	KRITERIA
Prinsip 4: Menghormati Komuniti dan Hak Asasi Manusia Serta Memberi Manfaat	<p>4.1. Unit pensijilan menghormati hak asasi manusia, yang termasuk menghormati hak Pejuang Hak Asasi Manusia.</p> <p>4.4. Penggunaan tanah untuk kelapa sawit tidak mengurangkan hak undang-undang, adat atau hak pengguna lain tanpa Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan (FPIC).</p> <p>4.5. Tiada penanaman baru yang dilakukan di tanah penduduk setempat di mana ia dapat ditunjukkan bahawa terdapat undang-undang, hak adat atau pengguna, tanpa FPIC mereka. Ini ditangani melalui sistem yang didokumentkan bagi membolehkan mereka dan pihak berkepentingan lain menyatakan pandangan mereka melalui institusi perwakilan mereka sendiri.</p> <p>4.6. Segala perundingan mengenai pampasan kerana hilangnya undang-undang, adat atau hak perundangan, akan diuruskan melalui sistem yang didokumentkan bagi membolehkan Masyarakat Pribumi, masyarakat setempat dan pihak berkepentingan lain menyatakan pandangan mereka melalui perwakilan mereka sendiri.</p> <p>4.7. Di mana ia menunjukkan bahawa penduduk tempatan mempunyai hak undang-undang, adat atau hak pengguna, mereka telah diberi pampasan untuk mana-mana pengembalian tanah yang dipersetujui dan pelepasan hak, tertakluk kepada FPIC dan perjanjian yang dirundingkan.</p> <p>4.8. Hak untuk menggunakan tanah didemonstrasikan dan tidak dapat dicabar secara sah oleh penduduk tempatan yang dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai undang-undang, adat atau hak pengguna.</p>

Jadual 2: Kriteria Delegasi ke atas

PRINSIP	KRITERIA
Prinsip 6: Menghormati Hak Pekerja dan Keadaanya	<p>6.1. Sebarang bentuk diskriminasi adalah dilarang.</p> <p>6.2. Bayaran dan syarat untuk kakitangan dan pekerja serta pekerja kontrak sentiasa memenuhi sekurang-kurangnya piawaian minimum industri atau undang-undang dan mencukupi untuk menyediakanupah sara bagi kehidupan yang baik (DLW).</p> <p>6.3. Unit pensijilan menghormati hak semua kakitangan untuk membentuk dan bergabung dengan kesatuan sekerja pilihan mereka dan untuk menawar secara kolektif. Di mana hak kebebasan bersekutu dan tawar-menawar kolektif adalah dihadkan di bawah undang-undang, majikan memberi kemudahan bentuk kebebasan yang selari untuk berpersatuan secara bebas dan tawar-menawar untuk semua kakitangan tersebut.</p> <p>6.4. Kanak-kanak tidak diupah atau dieksplorasi.</p> <p>6.5. Tidak ada gangguan atau penyalahgunaan di tempat kerja, dan hak pembiakan dilindungi.</p> <p>6.6. Tiada bentuk buruh paksa atau pemerdagangan buruh digunakan.</p> <p>6.7. Unit pensijilan memastikan persekitaran bekerja di bawah kawalannya selamat dan tanpa risiko kesihatan.</p>
-----	
Prinsip 7: Melindungi, Memelihara dan Menambahbaik Ekosistem	<p>7.7. Tiada penanaman baru di tanahgambut, tanpa mengambilkira kedalamannya selepas 15 November 2018 dan semua kawasan tanah gambut diuruskan secara bertanggungjawab.</p> <p>7.11. Api tidak digunakan untuk menyediakan tanah dan dielakkan di kawasan yang diuruskan.</p> <p>7.12. Pembukaan tanah tidak menyebabkan penebangan hutan atau merosakan kawasan yang diperlukan untuk melindungi atau meningkatkanNilai Konservasi Tinggi (HCV) atau Hutan Tinggi Stok Karbon (HCS). HCV dan HCS hutan di kawasan yang diuruskan dikenal pasti dan dilindungi atau dipertingkatkan.</p>

### **3.4 PEMANTAUAN BIDANG KUASA SECARA LUAS**

Unsur utama untuk mengukur prestasi secara lanskap pada peringkat sesuatu Bidang Kuasa adalah kemampuan JE untuk membangun sistem yang mengikuti piawaian RSPO, untuk memantau dan mengesahkan risiko dan kesan kepada alam sekitar, seperti penebangan hutan, penukaran gambut, pembakaran / titik panas, dan perubahan penggunaan tanah, serta risiko dan kesan pada sosial, seperti penyalahgunaan hak asasi manusia, pelanggaran hak pekerja, pelanggaran hak untuk bebas, persetujuan sebelumnya dan dimaklumkan (FPIC) dan pelupusan tanah masyarakat, yang terjadi di masa lalu dan mungkin terjadi di masa depan. Sistem ini harus dikembangkan dan beroperasi sepenuhnya pada Langkah 2 dari Pendekatan Langkah demi Langkah untuk Pendekatan Bidang Kuasa (lihat Bahagian 3.5). Sistem yang dibentuk oleh JE harus memantau secara berkala dan terus menerus, semua petunjuk risiko dan impak persekitaran dan sosial yang berkaitan di seluruh bidang kuasa, termasuk peta penunjuk tanah gambut, kawasan NKT, wilayah HCS, dan zon ‘larangan’ bidang kuasa untuk pengembangan kelapa sawit (contohnya, kawasan pemuliharaan dan perlindungan), laporan berita dan media, dan laporan (bertulis dan lisan) dari organisasi masyarakat awam, badan bukan kerajaan, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan tempatan. JE memberikan laporan kemungkinan kes ketidakpatuhan yang dikesan kepada Lembaga Pelbagai pihak berkepentingan untuk pertimbangan secepat mungkin. Suatu mekanisme harus disediakan untuk mengesahkan kemungkinan ketidakpatuhan terhadap Piawaian RSPO yang dikesan termasuk aktiviti pemecahan tanah yang sesuai yang di sediakan oleh JE. Sistem ini harus diselaraskan dengan Analisis Perubahan Guna Tanah (LUCA) bersejarah yang dilakukan (berpotensi) dengan liabiliti yang dinyatakan dan tersedia untuk umum. Sistem ini akan mempunyai lapisan perakaunan pemilikan konsesi kelapa sawit berdasarkan pangkalan data maklumat pengeluar kelapa sawit yang beroperasi di Bidang Kuasa untuk menangani sebarang tanggungjawab dan amaran masa depan mengenai ketidakpatuhan langsung kepada pemegang konsesi kelapa sawit. Sistem ini akan mempunyai lapisan perakaunan pemilikan konsesi kelapa sawit berdasarkan pangkalan data maklumat pengeluar kelapa sawit yang beroperasi di kawasan Bidang Kuasa untuk menangani sebarang tanggungjawab dan amaran masa depan mengenai ketidakpatuhan terus kepada pemegang konsesi kelapa sawit. JE secara terbuka akan melaporkan prestasi sistem, yang akan merangkumi kes-kes ketidakpatuhan terkumpul yang dikesan setiap tahun melalui penyerahan ACOP JE.

### **3.5 KEPERLUAN PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH**

Menyelaraskan campur tangan atau proses-proses peringkat Bidang Kuasa adalah kunci kejayaan JA. Oleh itu, sangat penting untuk memastikan bahawa campur tangan dan/ atau aktiviti peringkat Bidang Kuasa dilaksanakan dan diukur dengan betul. Jadual 3 menunjukkan keperluan utama prestasi di peringkat Bidang Kuasa.

Setiap langkah mempunyai keperluan tersendiri pada sistem dan prestasi di peringkat lanskap, selain pematuhan FFB di peringkat ladang, estet, kilang, dan kemudahan bagi penggalak pengeluar dan rantaian bekalan kelapa sawit kepada Piawaian RSPO.

Jadual 3. Pendekatan Langkah demi Langkah untuk Pendekatan Bidang Kuasa bagi Keperluan Pensijilan

	<b>Langkah 1</b>	<b>Langkah 2</b>	<b>Langkah 3</b>
Petunjuk Prestasi Sistem	<ul style="list-style-type: none"> <li>I. Kumpulan pelbagai pihak-berkepentingan ditubuhkan dengan mandat dari pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan</li> <li>II. Pernyataan niat untuk mencapai 100% pematuhan RSPO akan diumumkan kepada pihak awam oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan.</li> <li>III. Rancangan dibentuk untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penubuhan JE</li> <li>b. Polisi, sistem dan prosedur yang bersesuaian unruk menyokong Pendekatan Bidang Kuasa</li> <li>c. Pemetaan ruang mengenai semua pengeluar, kilang, pusat penyulingan dan penghancur, HCV/HCS dan maklumat lain yang berkenaan.</li> <li>d. Pengkalan data untuk maklumat semua pengeluar, pemproses, dan penggalak rantaian bekalan di dalam kawasan Bidang Kuasa.</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>I. JE di tubuhkan secara sah dengan di anggotai oleh Lembaga Pelbagai Pihak Berkepentingan (lihat Unsur 1.1 dan 1.2 didalam Keperluan Sistem)</li> <li>II. Sistem Kawalan Dalaman JE (ICS) di bentuk (lihat Unsur 2)</li> <li>III. Kawasan penanaman kelapa sawit dan bank tanah semua pengeluar, pengilang, penyuling dan penghancur serta kemudahan penyulingan di petakan mengikut ruang.</li> <li>IV. Pengkalan data dikumpulkan tentang pengeluar, pemproses, dan penggalak rantaian bekalan dalam kawasan Bidang Kuasa.</li> <li>V. JE menjadi ahli RSPO.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>I. Sistem Kawalan Dalaman JE (termasuk audit dalaman) berfungsi (Unsur 2 - dilaksanakan sepenuhnya).</li> <li>II. Terdapat system kawalan kualiti dan rangkakerja polisi (Unsur 1 dan Unsur 2)</li> <li>III. Rancangan dibuat untuk membentuk mekanisma untuk Rungutan, Aduan dan Rayuan (Unsur 3).</li> <li>IV. Adanya prosedur perakaunan yang telus dan kewangan berdaya maju.</li> <li>V. Bagi pensijilan RSPO, pengkalan data terperinci kawasan penanaman kelapa sawit dan bank tanah semua ahli JE adalah diperlukan.</li> </ul>
Petunjuk Prestasi Lanskap	<p>Rancangan di bentuk untuk menjalankan/atau pembangunan di peringkat Bidang Kuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>I. Prosedur dirumus untuk FPIC dan untuk pengiktiraf hak tanah (perundangan, adat dan hak pengguna)</li> <li>II. Pemetaan HCV dan HCS indikatif (sejajar dengan keperluan RSPO), termasuk pemetaan tanah gambut</li> <li>III. Analisis Perubahan Guna Tanah Bersejarah (LUCA) sesuai dengan dokumen panduan RSPO LUCA.</li> <li>IV. Analisis jurang perbezaan antara undang-undang P&amp;C RSPO dan undang-undang dan polisi Bidang Kuasa.</li> <li>V. Peraturan mengenai penggunaan api, pencegahan kebakaran dan langkah-langkah kawalan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>I. Petunjuk peta kawasan gambut, HCV dan HCS.</li> <li>II. Zon 'No-go' peringkat Bidang Kuasa (untuk kawasan lindungan dan konservasi) di petakan.</li> <li>III. LUCA dilengkapkan dengan liability (berpotensi) yang disediakan dan disyiharkan untuk umum.</li> <li>IV. Prosedur pengiktirafan hak atas tanah (undang-undang, hak adat dan penggunaan) di bentuk.</li> <li>V. Garis panduan dan prosedur FPIC di lengkapkan untuk Bidang Kuasa.</li> <li>VI. Mengadakan peraturan penggunaan api, pencegahan kebakaran dan langkah-langkah kawalan.</li> <li>VII. Sistem dibangunkan dan beroperasi sepenuhnya di peringkat Bidang Kuasa untuk memantau, mengesan dan mengesahkan penebangan hutan, titik panas/pembakaran dan penukaran tanah gambut, kawasan HCV, kawasan HCS dan zon 'no-go' lain, termasuk risiko dan kesan sosial.</li> <li>VIII. Mengenalpasti jurang undang-undang bagi perbezaan antara P&amp;C RSPO dan undang-undang Bidang Kuasa dan polisi serta peraturan atau prosedur yang diperlukan dikembangkan.</li> <li>IX. Penilaian untuk menghalang masalah sosial dan alam sekitar dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya termasuk tidak menukar HCV, HCS atau tanah gambut, dan pelanggaran hak asasi manusia yang serius dan perampasan tanah secara sistemik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>I. Prosedur dan garis panduan pengiktirafan hak tanah dan FPIC ada dan dilaksanakan.</li> <li>II. Adanya perancangan tata ruang, termasuk HCV, HCS, dan tanah gambut, dan syarat RaCP sedang dilaksanakan.</li> <li>III. Garis panduan dan prosedur SEIA dilaksanakan.</li> <li>IV. Pelan pemulihan dan pampasan diluluskan (untuk tanggungjawab pemuliharaan yang dikenal pasti dalam Langkah 2) dan dalam pelaksanaan</li> <li>V. Syarat Prosedur Penanaman Baru seperti di RSPO dilaksanakan.</li> <li>VI. Peraturan atau prosedur yang boleh dikuatkuasa diguna pakai dan diterapkan untuk mengatasi jurang dalam RSPO P&amp;C</li> <li>VI. Isu permasalahan sosial dan persekitaran ditangani atau pensijilan tidak dapat diteruskan.</li> <li>VII. Sistem dibangunkan dan beroperasi sepenuhnya pada peringkat Bidang Kuasa untuk memantau, mengesan dan mengesahkan penebangan hutan, titik panas/pembakaran dan penukaran tanah gambut, kawasan HCV, kawasan HCS dan zon 'no-go' lain, termasuk risiko dan impak sosial.</li> </ul>

Setelah Langkah 3 selesai dan terdapat JE yang berfungsi sepenuhnya, JE menerima pensijilan kumpulan melalui audit luaran, mengikut Piawaian RSPO masing-masing. Pengauditan piawaian adalah sebagai Keperluan Sistem Pensijilan dan memerlukan bukti yang mencukupi pada tahap pengurusan yang sesuai.

## **Nota:**

- i. Panduan pemetaan petunjuk HCV dan HCS peringkat Bidang Kuasa akan dibentuk oleh RSPO WG tertentu dengan bekerjasama dengan HCVRN dan HCSA, dengan mempertimbangkan undang-undang tempatan . Sebagai langkah sementara, usaha dan inisiatif pemetaan lanskap peringkat Bidang Kuasa yang sedia ada (metodologi, pendekatan) hendaklah berpandukan dokumen sedia ada HCVRN: ‘Scaling up the HCV Approach in Landscapes and Jurisdictions: Summary of new guidance available for prioritising action for HCVs’
- ii. Pengesahan baru bagi SOP/mekanisme/senarai semak akan dibangunkan bersama oleh Sekretariat RSPO dan Kumpulan Kerja Bldang kuasa untuk Langkah 1 dan Langkah 2. SOP hendaklah merangkumi garis masa yang dipersetujui.
- iii. Pengesahan untuk kelengkapan Langkah 1 akan dilakukan oleh Sekretariat RSPO dengan pengesahan akhir (kelulusan) oleh Jawatankuasa Tetap Piawaian RSPO (SSC).
- iv. Pengesahan langkah 2 dilakukan melalui proses permohonan keahlian RSPO yang sedia ada. Pengesahan dan kelulusan akhir keanggotaan JE adalah oleh Sekretariat RSPO.
- v. Panduan untuk pemulihan dan pampasan peringkat Bidang Kuasa akan dibangunkan oleh RSPO WG tertentu.
- vi. Audit dalaman penuh diperlukan untuk semua pekebun lebih dari 50 ha (rujuk NI) dan penggalak rantaian bekalan, dengan mengekalkan prosedur audit dalaman pekebun kecil semasa.
- vii. Untuk petunjuk landskap atau prestasi, gunakan interpretasi nasional, jika ada.
- viii. Panduan akan dikembangkan untuk mengesahkan pematuhan oleh CB pada tahap pengurusan yang sesuai (cth, di peringkat peserta industri vs JE).

## 4. KEPERLUAN SISTEM BIDANG KUASA

---

Entiti Bidang Kuasa (JE) memainkan peranan penting dalam memastikan pemain industri bergerak ke arah pensijilan dan pematuhan sepenuhnya dan disusun untuk memastikan pengawasan dan keseimbangan yang kukuh dalam bidang kuasa. Tadbir urus yang berkesan dan boleh dipercayai, perancangan dan pengurusan peringkat landskap, dan penguatkuasaan semuanya penting untuk mencapai pensijilan bidang kuasa.

Tanggungjawab utama JE (tidak menyeluruh):

- i. Memudahkan penilaian, prosedur dan proses bidang kuasa masing-masing (yaitu, HCV / HCS, RaCP), yang dimaklumkan oleh analisis jurang bidang kuasa dan peraturan perundangan tempatan dibandingkan dengan Piawaian RSPO;
- ii. Melakukan pemantauan dan pelaporan mengenai prestasi pematuhan dengan indikator tahap landskap dan pematuhan Piawaian RSPO oleh pihak berkepentingan yang berkaitan;
- iii. Menetapkan Sistem Kawalan Dalaman untuk memastikan pengawasan dan kawalan (melalui sistem audit dalaman) dan untuk melaksanakan penilaian dalaman bagi prestasi semua pekebun, kilang, pemproses, dan penggalak rantai bekalan untuk memenuhi syarat pengeluaran RSPO;
- iv. Menetapkan Sistem Rungutan, Aduan & Rayuan dalaman bagi memastikan proses yang adil, telus dan tidak memihak untuk mengendali dan menangani runutan, aduan, dan rayuan dengan sewajarnya.;
- v. Memberi sokongan kepada semua pihak berkepentingan melalui latihan meliputi semua aspek kepatuhan terhadap Piawaian dan Keperluan RSPO, incentif pasaran dan peraturan kerajaan.
- vi. Menentukan kelayakan keahlian dan mengkuatkuasakan penggantungan atau penamatan keanggotaan bagi ahli yang tidak patuh didalam bidang kuasa.
- vii. Melantik audit luaran untuk pensijilan Bidang Kuasa.

Seperti yang tertera dalam Bahagian 2.2, antara lain, JE haruslah memenuhi Keperluan Sistem Bidang Kuasa. Tiga Unsur berikut menggariskan keperluan sistem untuk Persijilan Bidang Kuasa:

Bahagian 4.1: Urus tadbir untuk Entiti Bidang Kuasa (JE)

Bahagian 4.2: Operasi bagi Entiti Bidang Kuasa (JE)

Bahagian 4.3: Sistem Dalaman untuk Rungutan Aduan & Rayuan

---

<sup>3</sup> Refer to Section 3.5 of this document for landscape indicators

## 4.1 URUS TADBIR BAGI ENTITI BIDANG KUASA (JE)

Rasional: Untuk memiliki peraturan dan hubungan komersial dalam transaksi yang berkaitan dengan FFB dan sijil minyak sawit, entiti ini memikul tanggungjawab, yang memerlukannya didaftarkan secara sah.

### **Unsur A: JE mesti di tubuhkan secara sah**

- A.1 Didaftarkan sebagai entiti seperti yang ditentukan oleh undang-undang di negara ia didaftarkan
- A.2 Telah melantik wakil pengurusan (sama ada individu atau institusi)
- A.3 Diberi kuasa oleh kerajaan untuk mengaplikasikan Piawaian RSPO untuk pengeluar dan pemproses kelapa sawit dalam bidang kuasa, samada melalui keanggotaan JE atau perjanjian yang sah
- A.4 Menjadi Ahli RSPO (seperti langkah 3)
- A.5 Telah menetapkan dan mendokumentasikan struktur dan undang-undang organisasi, dengan jelas menentukan skop, fungsi dan kewibawaan undang-undangnya, dan memperincikan kedudukan dan tanggungjawab semua kakitangan yang terlibat
- A.6 JE dapat menyampaikan struktur, peranan, objektif dan fungsinya
- A.7 Semua kakitangan JE harus menunjukkan komitmen serta tidak berat sebelah
- A.8 Semua kakitangan JE harus bebas dari konflik kepentingan. Sebarang kemungkinan konflik harus dikenal pasti, dinyatakan dan didokumentasikan, dan ditangani dengan cara yang boleh dipercayai dan telus.
- A.9 Semua ahli JE memahami dan telah memperakui semua syarat keahlian JE dalam bentuk surat akuan

**Nota:**

*Kedaulatan kerajaan harus diakui.*

**Unsur B:**  
**JE akan ditadbir oleh Lembaga Penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan**

- B.1 Lembaga Penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan terdiri daripada perwakilan pihak berkepentingan yang seimbang (pada minimum, wakil kerajaan, NGO sosial, NGO alam sekitar, pengeluar (pengilang, pekebun kecil, ladang dan pekerja) dan penggalak rantaian bekalan)
- B.2 Semua anggota lembaga penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan harus komited untuk memastikan semua keputusan di buat dengan adil dan bebas dari konflik kepentingan. Proses membuat keputusan harus dilakukan dengan mencapai kata sepakat, dengan komitmen terhadap ketelusan.
- B.3 Fungsi, peranan dan tanggungjawab semua anggota lembaga pelbagai pihak berkepentingan harus didokumentasikan, dengan polisi struktur dan pengambilan Lembaga boleh dilihat umum
- B.4 Terdapat mandat khusus lembaga penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan agar memastikan JE diurus dengan baik, dan ada prosedur tersedia untuk menilai semua aspek operasinya dan didokumentasikan
- B.5 Lembaga Penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan, sekurang-kurangnya, menjalankan peranan dan tanggungjawab berikut:
  - B.5.1 Memastikan audit kewangan tahunan dijalankan untuk JE
  - B.5.2 Mengawasi kestabilan kewangan dan kebolehlaksanaan JE
  - B.5.3 Memastikan perlaksanaan yang efektif untuk semua proses dan prosedur
  - B.5.4 Memastikan kemajuan berterusan terhadap pensijilan dan pematuhan.
  - B.5.5 Menyokong proses-proses polisi yang perlu untuk membenarkan pensijilan bidang kuasa RSPO.

---

<sup>4</sup> Refer Conflict of interest is defined as per the existing RSPO Certification Systems for Principles and Criteria.

**Unsur C:**  
**JE dapat menunjukkan sumber dan kapasiti yang mencukupi untuk menguruskan JA dan penilaian prestasi terhadap Piawaian RSPO**

- C.1 JE dan/atau kakitangan harus menunjukkan kecekapan dan pengetahuan mengenai Piawaian RSPO, serta Interpretasi Nasional
- C.2 JE dapat menunjukkan kecekapan dan pengetahuan mengenai keperluan dan mekanisme peraturan antarabangsa, nasional dan/atau tempatan
- C.3 Menunjukkan rancangan perniagaan yang mantap termasuk yang akan menjana pendapatan
- C.4 Sumber yang mencukupi (manusia, kewangan, fizikal dan lain-lain) untuk beroperasi dengan berkesan.
- C.5 Prosedur dan/atau proses tersedia untuk perkongsian, pemindahan maklumat secara berkesan dan akses kepada peluang latihan dari JE kepada anggotanya. Ini mungkin termasuk menyediakan rancangan latihan bagi keperluan latihan asas (mis., kriteria delegasi ke atas) tersedia.

## 4.2 OPERASI BAGI ENTITI BIDANG KUASA (JE)

**Unsur D:**  
**JE harus menunjukkan keupayaan yang mencukupi untuk mengawal, memantau dan menilai semua pemain utama juga kepatuhan mereka terhadap landskap dan prestasi sistem dan Piawaian RSPO yang berkaitan**

- D.1 Menguruskan Sistem Kawalan Dalaman (ICS) yang akan merangkumi sistem JE untuk pemantauan di seluruh bidang kuasa seperti yang dijelaskan dalam Bahagian 3.4.
- D.2 Menguruskan proses dan prosedur audit dalaman dengan memastikan bahawa juruaudit dalaman mempunyai pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan untuk melakukan audit dalaman, termasuk pemeriksaan lapangan
- D.3 Menguruskan Sistem Rungutan & Aduan Dalaman
- D.4 Memastikan pematuhan dengan piawaian dan prosedur RSPO
- D.5 Prosedur dan proses dalaman, termasuk penyimpanan rekod
- D.6 Mengenal pasti sebarang konflik kepentingan
- D.7 Memastikan audit kewangan luaran bebas tahunan dijalankan

**Unsur E:**

**JE harus mempunyai polisi dan prosedur yang didokumentasikan untuk pengurusan operasi**

- E.1 Dasar yang konsisten dengan semua keperluan RSPO, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Perlindungan Pembela Hak Asasi Manusia, Pemberi Maklumat, Pengadu dan Jurucakap Komuniti
- E.2 Prosedur untuk membuat keputusan
- E.3 Pengurusan konflik kepentingan dan komitmen untuk tidak memihak
- E.4 Fungsi, peranan dan tanggungjawab kakitangan JE
- E.5 Rakaman dan dokumentasi semua mesyuarat, dan keputusan
- E.6 Mengendalikan dan menyelesaikan rungutan dan aduan
- E.7 Menguruskan proses perundingan
- E.8 Membuat bajet dan pembiayaan, pemantauan dan pelaporan
- E.9 Prosedur untuk melaksanakan keperluan lain RSPO yang berkaitan (cth, NPP)
- E.10 Pengurusan aktiviti/acara penyumberan luar

**Unsur F:**

**JE harus membangunkan dan melaksanakan sistem audit dalaman, yang meliputi, antara lain: prosedur, proses, garis masa, rancangan operasi, pemantauan dan catatan penilaian.**

- F.1 Menjalankan audit dalaman, termasuk kecekapan dan pengetahuan juruaudit dalaman
- F.2 Prosedur untuk menyimpan rekod terkini semua anggota kumpulan JE, termasuk maklumat yang berkaitan dengan ladang dan kawasan plot, hasil, jumlah FFB dan / atau produk minyak sawit, dan semua juruaudit dalaman mereka
- F.3 Semua anggota JE harus diaudit secara dalaman terhadap Piawaian RSPO yang berkaitan sebelum menjalani audit luaran awal dan pensijilan semula. Bukti mengenai bagaimana audit dalaman dijalankan mesti ada.
- F.4 Sekatan, ganjaran dan mekanisme latihan yang mempromosikan peningkatan progresif dan pematuhan pengeluar dan penggalak rantaian bekalan

- F.5 Ada prosedur yang jelas untuk mengapplikasikan sekatan dan pengusiran, serta satu set syarat dan prosedur untuk pengaktifan/pemulihian keahlian JE
- F.6 Keperluan untuk kecekapan dan pengetahuan juruaudit dalaman
- F.7 Prosedur: metodologi, kriteria audit, kekerapan dan menangani ketidakpatuhan
- F.8 Juruaudit dalaman mengisyiharkan tiada konflik kepentingan
- F.9 Memastikan kualiti audit dalaman. Panduan akan diberikan untuk audit dalaman.

**Unsur G:**

**JE ICS akan membangun dan melaksanakan sistem pemantauan dan pelaporan yang efektif untuk merakam maklumat mengenai pengeluaran dan perdagangan produk kelapa sawit**

- G.1 Menetapkan dan melaksanakan sistem pemantauan dan mekanisme untuk menilai HCV /HCS /gambut untuk seluruh bidang kuasa, untuk kepatuhan anggota JEG.2 Establish baseline with improvement plan on:
  - G.2.1. Prestasi tahap landskap (petunjuk lanskap)
  - G.2.2. Prestasi tahap sistem (petunjuk sistem)
  - G.2.3. Tahap pematuhan ladang, unit Pengurusan, dan kemudahan mengikut Piawaian RSPO
  - G.2.4 Kemajuan pensijilan ahli JE
- G.3 Penyimpanan rekod (fail .shp) tentang kawasan pengeluaran sedia ada, bank tanah dan kemudahan semua ahli JE
  - G.3.1 Memeriksa FFB dan semua pengeluaran dan penjualan produk sawit (kredit dan fizikal).
- G.4 Menetapkan catatan dan pelaporan sistem pengurusan data dan dokumen untuk:
  - G.4.1 Dokumentasi dan rakaman bukti untuk pematuhan Piawaian RSPO
  - G.4.1 Memudahkan akses ke dokumentasi dan rakaman bukti yang sesuai untuk audit luaran
  - G.4.1 Pengauditan luaran oleh CB yang diiktiraf oleh keperluan JA

#### **4.3 SISTEM DALAMAN RUNGUTAN, ADUAN & RAYUAN**

JE harus mempunyai mekanisme pengaduan yang berkesan berdasarkan P&C 2018 4.2. JE dan Lembaga Penyeliaan harus memastikan adanya kapasiti yang telus, bebas dan dipercayai untuk menerima, mengkaji dan mengadili aduan dan rayuan, dan mengambil tindakan yang efektif. JE boleh bergantung pada Prosedur Pengaduan dan Rayuan RSPO yang sedia ada atau memastikan terdapat agensi luaran pada peringkat Bidang Kuasa untuk menangani aduan dan rayuan. Dalam kedua-dua kes tersebut, pihak yang terlibat memiliki hak untuk meningkatkan aduan dan rayuan ke Panel Pengaduan RSPO yang akan memiliki kuasa ke atas JE dan pengeluarnya kerana JE adalah anggota RSPO dan pengeluar adalah berkait dengan JE.

Untuk mengelakkan konflik kepentingan dalam prosedur pengaduan dan rayuan, akan ada agensi luar yang akan menguruskan aduan tersebut. Badan Pengaduan dan Rayuan mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan kepada ahli dan/atau menggantung keahlian. Mekanisme ini melengkapkan dan tidak menggantikan sistem tempatan dalam bidang kuasa untuk menyelesaikan pertikaian seperti ombudsman, badan penimbang tara dan mahkamah.

Untuk memastikan bahawa semua peserta industri terikat dengan mekanisme rungutan, aduan dan rayuan JE, JE diminta untuk memaklumkan semua ahlinya mengenai prosedur pengaduan dan mendapat persetujuan bertulis mereka bahawa mereka akan isiasat di bawah prosedur sekiranya ada rungutan timbul atas ketidakpatuhan mereka terhadap syarat-syarat keahlian JE, polisi etika atau peruntukan Bidang Kuasa, serta Piawaian RSPO.

**Unsur H – Rungutan, aduan, dan rayuan: JE harus memiliki prosedur bertulis untuk menangani rungutan, aduan, dan rayuan, termasuk:**

- H.1 Proses yang didokumentasikan untuk menerima, menilai dan membuat keputusan mengenai rungutan;
- H.2 Anggota JE boleh mengemukakan aduan di mana mereka tidak berpuas hati dengan kesimpulan mekanisme pengaduan, dan prosedur ini harus didokumentasikan;
- H.3 Sebagai sebahagian daripada prosedur aduan, ia akan merangkumi proses membuat rayuan dan proses ini harus telus dan boleh diakses pihak umum;
- H.4 Data menunjukkan dan mengesahkan penerimaan, pengesahan, dan siasatan rungutan, aduan, dan rayuan;
- H.5 Mendokumentasikan keputusan dan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan rungutan, aduan dan rayuan termasuk tindakan untuk mencegah kejadian itu dari berulang.
- H.6 Panel aduan/rayuan harus memberikan pengakuan bertulis kepada perayu (orang / entiti) mengenai penerimaan, kemajuan, dan hasil rayuan;
- H.7 Keputusan akan disampaikan kepada perayu, atau ditinjau dan disetujui oleh, setiap anggota panel aduan yang sebelumnya tidak terlibat dalam subjek rayuan.;
- H.8 Panel rayuan akan memberi notis rasmi kepada perayu mengenai pengakhiran proses pengendalian rayuan.

## 5. KEPERLUAN SISTEM PENSIJILAN

Bab ini menetapkan syarat untuk sistem yang harus diikuti dalam pelaksanaan JA terhadap keperluan Piawaian RSPO berkaitan dan relevan, yang dikenal sebagai Sistem Pensijilan untuk JA. Sistem Pensijilan untuk JA dibangun berdasarkan proses dan sistem RSPO sedia ada, dengan syarat dan Unsur tambahan untuk tuntutan yang dipercayai untuk dibuat terhadap kelestarian Bidang Kuasa pengeluaran dan penggunaan. Terdapat dua Sistem Pensijilan RSPO utama:

- I. Sistem Prinsipal& Kriteria RSPO untuk Pensijilan
- II. Sistem Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO

Kedua-dua sistem pensijilan RSPO terdiri daripada tiga Unsur utama:

- i) Piawaian Pensijilan RSPO dan keperluan yang berkaitan (termasuk pensijilan kumpulan dan/atau pengurusan).
- ii) Keperluan untuk Badan Akreditasi (AB) yang dilantik oleh RSPO dan Badan Perakuan (CB) yang diakreditasi oleh AB yang dilantik.
- iii) Keperluan proses pensijilan - proses yang harus diikuti oleh CB dalam menjalankan audit untuk pengesahan.

### 5.1 SISTEM PENSIJILAN UNTUK JA

Setelah JE memenuhi syarat yang ditetapkan untuk Langkah 1, Langkah 2, dan Langkah 3, dan peserta industri bersedia untuk disahkan (kesediaan dinilai melalui audit dalaman); JE boleh memulakan audit luaran untuk pensijilan dengan melantik CB yang dikenalpasti oleh RSPO. Pihak CB akan mengaudit pematuhan:

- i. JE terhadap (i) Langkah 1, Langkah 2 dan Langkah 3 Prestasi Tahap Landskap (Bab 3 dokumen ini) dan (ii) Keperluan Sistem Bidang Kuasa (Bab 4 dokumen ini) berdasarkan Sistem Pensijilan RSPO untuk Prinsip & Kriteria.
- ii. Setiap peserta industri JE terhadap Piawaian RSPO yang berkaitan berdasarkan Sistem Persijilan RSPO yang berkaitan (iaitu, JE Pekebun hendaklah diperakui berdasarkan P&C RSPO mengikuti Sistem Persijilan RSPO untuk Prinsip & Kriteria; CGM harus diperakui berdasarkan Piawaian Rantaian Bekalan RSPO mengikut Sistem Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO).

#### **Nota Penting:**

*JE hendaklah mengisytiharkan dengan bukti (melalui audit dalaman) kepada RSPO CB semasa audit pensijilannya:*



*Pematuhan para pekebun peserta industri terhadap Sistem Pensijilan RSPO untuk Prinsip & Kriteria Klausus 5 Klausus keperluan minimum untuk beberapa unit pengurusan*

## 5.2 MEMBUAT TUNTUTAN & PENDAFTARAN KE RSPO PALMTRACE

RSPO JA tidak mengubah mana-mana peraturan mengenai tuntutan seperti yang telah ditetapkan oleh RSPO. Tuntutan penjualan produk yang diperakui hanya dapat dibuat setelah menerima sijil RSPO. RSPO tidak membenarkan mana-mana ahli yang tidak sah dalam Bidang Kuasa untuk membuat tuntutan atau menjual produk sawit yang diperakui sebelum menerima Sijil RSPO hanya kerana mereka telah lulus audit luaran yang dijalankan oleh RSPO terakreditasi oleh CB.

Tuntutan RSPO yang sah mestilah mematuhi Peraturan RSPO terkini ke atas Komunikasi Pasaran dan Tuntutan (versi terkini 2016) seperti yang diterbitkan di laman web RSPO.

**RSPO PalmTrace adalah sistem pengesahan RSPO untuk produk kelapa sawit yang diperakui. Dari kilang hingga kilang penyulingan, ahli RSPO yang diperakui akan mendaftarkan aktiviti penjualan fizikal dan pemprosesan minyak sawit, isirong sawit dan pecahannya (dua kali ganda) di bawah model rantaian bekalan Identiti Terpelihara, Terasing dan Imbang Jisim. Penggunaan RSPO PalmTrace adalah sebahagian daripada program pensijilan RSPO.**

Setiap Ahli Kumpulan JE yang diperakui akan menerima akaun PalmTrace yang unik setelah Kumpulan tersebut lulus auditnya dan menerima sijil. Sijil tersebut akan merangkumi setiap ahli kumpulan yang disahkan yang berada dalam skop audit sebelumnya. Mengikut sistem semasa, setiap akaun PalmTrace akan memperuntukkan sejumlah produk sawit yang boleh diperdagangkan, seperti yang disahkan oleh CB dan didokumentasikan dalam Perakuan dan Audit Ringkasan Umum.


Ahli JE yang merupakan ahli RSPO akan dibenarkan memilih untuk memperdagangkan produk RSPO mereka sama ada sebagai anggota RSPO biasa atau sebagai ahli JE tetapi tidak dapat melakukan perdagangan melalui kedua-dua laluan untuk mengelakkan pengiraan jumlah berganda.

Anggota JE yang bukan ahli RSPO akan dibenarkan untuk memperdagangkan produk yang JE RSPO diperakui mereka, apabila JE diperakui. RSPO akan mengeluarkan nombor perdagangan RSPO kepada setiap ahli JE yang disahkan JE. Sijil JE akan menyenaraikan semua ahli JE yang ingin memperdagangkan produk kelapa sawit mereka yang diperakui JE RSPO, dengan nombor perdagangan setiap ahli JE yang mengambil bahagian.

### **5.3 KETIDAKPATUHAN (SEKATAN)**

1. Ketidakpatuhan diberikan terhadap Piawaian bersesuaian dengan peraturan audit yang ditadbir oleh Sistem Pensijilan RSPO. Semua ketidakpatuhan akan diberikan waktu normal yang dibenarkan untuk ditutup seperti sistem Persijilan yang sedia ada.
2. Segala ketidakpatuhan yang berkaitan dengan delegasi ke atas yang kritikal di mana Kerajaan telah komited dan tidak ditangani dalam jangka waktu yang diperuntukan akan menyebabkan penangguhan atau penamatian sijil JE secara keseluruhan. Dengan kata lain, semua ahli JE akan terjejas.
3. Dalam kes ini, RSPO akan memberikan pilihan kepada ahli JE yang patuh untuk beralih ke keahlian individu agar tidak kehilangan hak perdagangan mereka.
4. Sebarang ketidakpatuhan oleh ahli JE individu (iaitu, kriteria yang tidak didelegasikan ke atas) yang tidak ditangani dalam jangka masa yang diperuntukan akan mengakibatkan penggantungan hanya kepada ahli terbabit dan tidak akan mempengaruhi keseluruhan pensijilan kumpulan. Hanya ahli JE terbabit sahaja yang akan terjejas, di mana hak perdagangan mereka akan ditangguhkan/ditamatkan.
5. Sekiranya ahli JE yang digantung/ diberhentikan (individu atau seluruh kumpulan) memutuskan untuk mengemukakan petisyen untuk memulihkan keahlian, ketekunan wajar harus diikuti bagi menunjukkan kepatuhan, dan memenuhi syarat pengembalian dan prosedur persetujuan sesuai dengan Piawaian RSPO yang berkaitan.

## LAMPIRAN 1. VISI DAN TEORI PERUBAHAN RSPO



Teori Perubahan RSPO (ToC) adalah peta jalan yang menunjukkan bagaimana RSPO akan mencapai visinya untuk menjadikan minyak sawit lestari sebagai suatu norma. Dengan sokongan daripada ahli-ahli, rakan kongsi dan para penggalak yang lain, RSPO akan melaksanakan strategi-strategi dan aktiviti-aktiviti utama untuk memacu transformasi sektor minyak kelapa sawit.

Strategi-strategi ini bertujuan untuk menghasilkan pengeluaran langsung dalam bentuk peningkatan penggunaan piawaian RSPO, ketelusan dan keterangkuman yang lebih besar dalam sistem RSPO, peningkatan penggunaan minyak sawit lestari, dan peningkatan perekitaran yang berdaya.

Seiring dengan perjalanan waktu, pengeluaran ini akan membawa kepada hasil yang diharapkan dapat meningkatkan kualiti hidup pekebun kelapa sawit, mewujudkan industri kelapa sawit yang lebih makmur, dan memungkinkan kita untuk memelihara planet dan sumbernya dengan lebih baik.

Apabila ToC direalisasikan sepenuhnya, ia memberikan perubahan di mana yang paling diperlukan - di lapangan; ruang di mana kelapa sawit, persekitaran, dan masyarakat tempatan dapat hidup bersama secara harmoni.

## LAMPIRAN 2. SENARAI JURANG BAGI RANGKA KERJA RINTIS SEMASA

---

Membangunkan rangka kerja rintis seperti yang dijelaskan di sini, perakuan bidang kuasa hanya dapat dicapai jika sejumlah susunan dan garis panduan baru RSPO dibuat untuk menampung pendekatan baru ini. Faktor bukan-RSPO lain, seperti penilaian HCV, juga perlu disesuaikan dengan pendekatan bidang kuasa / landskap.

Ini telah dinyatakan didalam teks dokumen ini, dan disenaraikan di bawah untuk kemudahan. Faktor-faktor lain mungkin timbul ketika JA diuji lebih jauh, dan ini akan direkodkan dan ditangani.

1. Kategori baru untuk keahlian RSPO bagi Entiti Bidang Kuasa;
2. Nombor pengecaman baru bagi PalmTrace yang menunjukkan kedua-dua Bidang Kuasa dan Pekebun di dalamnya;
3. Peraturan audit dan tindakan untuk ketidakpatuhan oleh penggalak tunggal dalam bidang kuasa;
4. Pelaporan ACOP di peringkat Bidang Kuasa;
5. Pengesahan SOP-SOP /mekanisma/senarai semak kemajuan Langkah 1 and Langkah 2;
6. Pemetaan indikatif HCV dan HCS - di peringkat bidang kuasa- atau landskap; dan
7. Pemulihan dan pampasan di- peringkat bidang kuasa.

RSPO is an international non-profit organisation formed in 2004 with the objective to promote the growth and use of sustainable oil palm products through credible global standards and engagement of stakeholders.

[www.rspo.org](http://www.rspo.org)



#### **Roundtable on Sustainable Palm Oil**

Unit 13A-1, Level 13A, Menara Etika  
No.3, Jalan Bangsar Utama 1  
59000 Kuala Lumpur

#### **Other Offices:**

Jakarta, Indonesia  
London, United Kingdom  
Beijing, China  
Bogota, Colombia  
New York, USA  
Zoetermeer, Netherlands



[rspo@rspo.org](mailto:rspo@rspo.org)